

Penduduk, pelajar perlu jejantas

Elak risiko berdepan kemalangan ketika lintas Jalan Datuk Mohd Musa

Oleh Linda Judin

bhnews@bharian.com.my

● LINDA JUDIN | BERITA HARIAN

KOTA SAMARAHAN: Ketiadaan jejantas menyebabkan ratusan penduduk dan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang tinggal di kawasan perumahan Taman Desa Ilmu berdepan risiko kemalangan ketika melintas Jalan Datuk Mohd Musa setiap hari.

Ini kerana jalan itu sentiasa dipenuhi ratusan kenderaan termasuk kenderaan berat dengan pelajar yang tinggal di kawasan kediaman berkenaan perlu melintas jalan utama untuk berulang alik dari melalui pintu timur UNIMAS.

Lebih sukar ialah pada waktu puncak ketika orang ramai pergi dan pulang dari tempat kerja saban pagi dan petang yang menyaksikan aliran trafik agak tinggi. Jalan berkenaan satu-satunya laluan menghubungkan UNIMAS dan Taman Desa Ilmu.

Penduduk, Chenah Maragan, 51, meminta kerajaan mempertimbangkan pembinaan jejantas atau sekurang-kurangnya tempat menyeberang yang selamat dilengkapi lampu isyarat demi kemudahan



PENDUDUK Desa Ilmu perlukan jejantas untuk menyeberangi Jalan Datuk Mohd Musa, Kota Samarahan, bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

dan keselamatan penduduk.

Katanya, kemudahan itu perlu sebelum sebarang kejadian tidak diingini berlaku di situ kerana jumlah penduduk serta pelajar yang menggunakan jalan berkenaan se-

tiap hari memang ramai.

“Sekarang penduduk dan pelajar UNIMAS tiada pilihan selain menyeberang jalan sibuk dengan lalu lintas termasuk kenderaan berat,” katanya.

Difahamkan, pernah berlaku beberapa kes kemalangan di kawasan itu membabitkan pelajar UNIMAS yang tinggal di Taman Desa Ilmu namun tidak membabitkan kes serius.